

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM (ARAU)**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2019**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ ARAU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Wang Kelian telah ditutup kerana mengancam keselamatan di mana terdapat kubur besar rakyat Rohingya di sana dan juga terdapat pelarian tinggal di hutan tersebut. Dalam masa yang sama pusat perniagaan Wang Kelian menjadi lumpuh, tetapi di Thailand pula telah muncul pusat perniagaan baru di sana. Kerajaan boleh menangani masalah ini dengan membuka semula Zon Aliran Bebas di Wang Kelian :-

- (a) bilakah pihak Kerajaan bercadang untuk membuka kembali kawasan Zon Aliran Bebas di Wang Kelian ini dalam masa terdekat; dan
- (b) apakah syarat-syarat yang diperlukan untuk membuka semula Wang Kelian ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

*Immigration and Passport (Wang Kelian Free Flow Zone) (Exemption) Order 2009 (P.U.(A) 243/2009)* merupakan satu perintah yang mengecualikan rakyat Thailand dari keperluan mendapatkan pas lawatan dan keperluan mengemukakan pasport ke kawasan pintu masuk Wang Kelian di Malaysia serta mengecualikan rakyat Malaysia daripada keperluan mengemukakan pasport ke kawasan Wang Prachan di Thailand. Perintah Pengecualian ini mula berkuatkuasa sejak 19 Jun 2009 dan kemudahan tersebut diberikan bermula dari jam 8 pagi sehingga jam 7 malam sahaja.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah menghentikan kemudahan keluar masuk (*free flow*) di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (*Immigration, Customs, Quarantine and Security – ICQS*) Wang Kelian bermula 1 April 2015 bertujuan untuk menguatkuasakan akta dan peraturan berkaitan kawalan keluar dan masuk Malaysia. Ini bermakna rakyat Malaysia yang ingin menyeberangi sempadan perlu melalui pintu masuk yang diwartakan dan perlu mempunyai pasport antarabangsa dan dokumen perjalanan yang sah seperti pas sempadan dan begitu juga sebaliknya untuk rakyat Thailand. Pelaksanaan ini dilaksanakan segera berikutan sebagai langkah kawalan pergerakan keluar masuk dan kawalan sempadan bagi menyekat dan mengekang ancaman serta penyeludupan barang terlarang yang dilihat menjadi ancaman kepada negara.

Langkah ini akan diteruskan dan pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan semula kemudahan keluar masuk (*free flow*) antara Wang Kelian di Malaysia dan Wang Prachan di Thailand atas faktor-faktor keselamatan.